

Submission date: 17.06.2025 Accepted date: 23/06/2025 Published date: 01/09/2025

**Perkembangan Teori Fiqh Al-Watan Di Negeri Pahang:
Satu Pemerhatian Epistemologikal**
*(The Development of the Theory of Fiqh al-Watan in the
State of Pahang: An Epistemological Observation)*

**Ibrahim Majdi Mohamad Kamil^{1*}, Azman Yusof²,
Amran Muhammad³ & Rahimin Affandi Abdul Rahim⁴**

¹Universiti Sains Malaysia, ²Universiti Kuala Lumpur MICET,

³Institut Ilmu Darul Makmur, ⁴Yayasan Usuluddin Malaysia.

***Corresponding Author: ibrahimmajdi@usm.my**

Abstrak

Artikel ini membincangkan perkembangan teori Fiqh al-Watan di negeri Pahang melalui pendekatan pemerhatian epistemologikal. Ia menggunakan kaedah analisis literatur untuk menelusuri bagaimana Fiqh al-Watan berkembang daripada realiti sosio-politik masyarakat Melayu-Islam, dikodifikasikan melalui Hukum Kanun Pahang, dan kemudiannya diangkat sebagai satu teori kenegaraan Islam oleh sarjana moden. Kajian ini menyoroti gabungan sumber wahyu, akal, dan budaya lokal sebagai teras epistemologi Islam tempatan. Teori Fiqh al-Watan didapati mampu menawarkan alternatif kepada model kenegaraan kolonial-sekular dan berpotensi untuk diaplikasikan semula dalam konteks reformasi tadbir urus kontemporari di dunia Islam.

Kata kunci: fiqh al-watan, Pahang, hukum kanun, epistemologi Islam, maqāṣid, wasatiyyah, tadbir urus Islam.

Abstract

This article examines the development of the Fiqh al-Watan theory in the state of Pahang from an epistemological perspective. Employing a literature analysis method, the study traces the emergence of Fiqh al-Watan from the socio-political realities of the Malay-Muslim community, its codification through the Hukum Kanun Pahang, and its subsequent recognition by modern scholars as a theory of Islamic nationhood. The study highlights the integration of revelation, reason, and local custom as the foundation of a regional Islamic epistemology. The Fiqh al-Watan theory is shown to offer a compelling alternative to the secular-colonial model and holds potential for application in contemporary Islamic governance reform.

Keywords: fiqh al-watan, Pahang, legal code, Islamic epistemology, maqāsid, wasatiyyah, Islamic governance.

Pengenalan

Sesuatu konsep atau teori diperkenalkan adalah melalui kajian mendalam tentang sesuatu fenomena yang timbul dalam masyarakat. Teori ini akan terus diperkukuhkan oleh sarjana lain yang kemudiannya memperluas cakupan dan kefahaman terhadap realiti tersebut. Hal ini turut berlaku pada teori Fiqh al-Watan di negeri Pahang yang berkembang daripada realiti masyarakat Melayu-Islam yang menerima Islam bukan hanya sebagai agama peribadi, tetapi sebagai dasar pemerintahan.

Fenomena ini boleh dikesan dengan teori pasca-kolonial yang lahir daripada konteks penindasan kolonial yang kemudiannya ditafsirkan dan dirumus sebagai teori di tahun 1960an – 1980an oleh sarjana seperti Edward Said (*Orientalism*, 1978), Homi Bhabha dan Gayatri Spivak. Untuk konteks Alam Melayu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa pihak kolonial yang bertanggungjawab memperkenalkan intelektualisme kepada masyarakat Melayu. Ia kemudiannya melahirkan golongan literati Melayu pro British daripada MCKK dan SITC yang kemudiannya berkhidmat memajukan pemikiran masyarakat Melayu. Ia secara langsung menenggelamkan sumbangan ulama Melayu silam

memajukan pemikiran masyarakat. Sarjana moden seperti Muhammad Redzuan Othman, Azra Ayumardi dan Syed Khairuddin Junied telah mencabar teori ini dengan menegaskan bahawa jauh sebelum penjajahan-pemodenan British serta falsafah pasca kolonial diperkenalkan, pemikiran progresif memang telahpun wujud yang diutarakan oleh ulama Islam. (Khairudin Juneid, 2012)

Kajian terkini mendapati bahawa idealism awal teori pasca-kolonial iaitu penentangan terhadap kolonialisme bukanlah sesuatu yang eksklusif kepada wacana moden. Sebaliknya Ulama Melayu silam seperti Syeikh ahmad zain Pattani, Syeikh ahmad zain Pattani, Raja Ali Haji, Burhanuddin al-helmy, Syed Sheikh al-Hadi dan Tok Kenali telah pun memulakan kritikan terhadap penjajahan Barat, sama ada secara langsung mahupun melalui wacana agama dan moral peradaban. Bahkan, pemikiran mereka membentuk benih awal kepada wacana dekolonial yang berakar daripada tradisi Islam dan budaya tempatan. (Ahmad Farid Abdul Jalal, 2022)

Demikian juga halnya dengan Fiqh al-Watan yang muncul sebagai respon intelektual terhadap realiti pemerintahan Melayu-Islam. Ia tidak lahir secara spontan, tetapi melalui proses kesarjanaan yang berakar daripada pemerhatian mendalam terhadap dinamika sosial, struktur kuasa dan keperluan pentadbiran dalam masyarakat Melayu-Islam. Ia berkembang bukan sahaja daripada semangat keagamaan, tetapi juga daripada kesedaran politik dan sosial yang mendalam dalam kalangan ulama, mubaligh dan institusi raja-raja Melayu untuk menyusun semula pemerintahan berteraskan prinsip Islam yang adil dan syumul.

Sebagaimana teori besar yang lain seperti teori pasca-kolonial, Fiqh al-Watan juga melalui fasa pengamatan, penerapan awal, dan pemformulasian semula oleh sarjana kemudian. Maka, Fiqh al-Watan harus difahami sebagai satu proses kesarjanaan berasaskan realiti tempatan bermula dari pemerhatian sosial, pengalaman pemerintahan Islam di Alam Melayu, dan aplikasi praktikal dalam kod undang-undang seperti Hukum Kanun Pahang sebelum ianya diperkemas dan diformulasikan oleh para cendekiawan Islam moden sebagai kerangka teori kenegaraan Islam yang bersifat lokal, sistematik dan kontekstual.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis literatur sebagai pendekatan utama yang bersifat kualitatif dan eksploratif. Ia bertujuan untuk menelusuri evolusi sejarah, teks dan wacana teori fiqh al-watan berdasarkan sumber primer dan sekunder dalam pelbagai disiplin termasuk fiqh, sejarah, sosiologi hukum, dan pemikiran politik Islam.

(a) Sumber dan Data Kajian

Data dikumpulkan daripada manuskrip sejarah seperti Hukum Kanun Pahang, teks-teks klasik fiqh kenegaraan seperti *al-Ahkām al-Sultāniyyah* (al-Māwardī, 1996), serta karya sarjana kontemporari seperti Ahmad Ibrahim (1985), Hooker (1984) dan Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001). Turut dirujuk adalah karya-karya pascakolonial dan pemikiran kritikal seperti Edward Said (1978), Bhabha (1994), dan Rahimin Affandi (2015).

(b) Pendekatan Tematik dan Epistemologikal

Analisis dilakukan secara tematik untuk mengenalpasti corak perkembangan fiqh al-watan daripada sudut sejarah sosial, struktur kuasa politik, dan kodifikasi hukum. Kajian ini tidak hanya memfokuskan kandungan undang-undang semata-mata, tetapi melihatnya sebagai produk kesarjanaan yang terbentuk daripada interaksi antara sumber wahyu, realiti lokal, dan proses ijtihad.

(c) Kerangka Epistemogi Tempatan

Dalam hal ini, pendekatan epistemologikal digunakan untuk menilai kerangka ilmu yang membentuk Fiqh al-Watan sebagai teori. Teori ini tidak muncul secara spontan atau eksogen, sebaliknya merupakan hasil proses kesarjanaan yang menggabungkan pengalaman sejarah, tradisi institusi Islam Melayu, dan wacana perundangan. Seperti yang ditegaskan oleh Nasr (1992) dan al-Attas (1978), epistemologi Islam yang sah berpaksikan gabungan antara wahyu, akal dan realiti sosial (*'urf*).

(d) Tujuan Analisis

Pendekatan ini bertujuan untuk memahami perkembangan Fiqh al-Watan bukan sahaja dari sudut hukum positif, tetapi juga dalam konteks sosial-intelektualnya. Fiqh al-Watan dilihat sebagai produk ilmu yang berasaskan realiti dan bukan import teoritikal semata. Justeru, pendekatan ini turut memerhati bagaimana wacana Fiqh al-Watan ditafsirkan semula dalam konteks kontemporari sebagai alternatif kepada model kenegaraan sekular yang diwarisi daripada sistem kolonial.

Analisis dilakukan secara tematik untuk mengenalpasti elemen-elemen yang menyumbang kepada pembentukan teori ini dari segi kronologi sejarah, transformasi kuasa kolonial, peranan institusi pemerintahan, pengaruh mubaligh dan ulama, serta pembentukan teks undang-undang. Pendekatan ini turut mengambil kira peranan epistemologi tempatan dalam membentuk wacana kenegaraan Islam yang organik dan kontekstual. (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2010) Teori Fiqh al-Watan dilihat bukan sahaja sebagai reaksi kepada kolonialisme, tetapi juga sebagai kesinambungan kepada usaha pembinaan peradaban Islam yang berasaskan akar budaya dan sejarah Melayu-Islam. Oleh itu, pendekatan ini juga memerhati bagaimana wacana Fiqh al-Watan ditafsirkan semula dalam konteks kontemporari sebagai alternatif kepada model kenegaraan sekular yang diwarisi daripada sistem kolonial.

Fiqh Al-Watan dan Ciri-cirinya

Fiqh al-Watan merupakan bukti kearifan tempatan atau kepandaian masyarakat Melayu Pahang dalam mempergunakan ajaran Islam bersama dengan realiti tempatan sebagai metodologi penyelesaian masalah yang timbul dalam masyarakat. Ia merupakan suatu konsep fiqh kenegaraan yang menekankan hubungan antara prinsip-prinsip syariah dengan realiti lokal sesebuah masyarakat. Ia tidak hanya merujuk kepada hukum-hakam yang berkaitan dengan pemerintahan secara umum, tetapi menjelaskan bagaimana prinsip-prinsip Islam seperti keadilan, amanah, maslahat, dan maqāṣid dapat disesuaikan dengan budaya, struktur politik dan sejarah setempat. Dalam konteks Alam Melayu, khususnya negeri Pahang, Fiqh al-Watan muncul sebagai respons terhadap keperluan masyarakat Melayu-Islam untuk membina sistem pemerintahan Islam yang kontekstual dan

dinamik tanpa terpisah daripada akar tradisi dan cabaran geopolitik semasa.

Konsep ini berakar daripada sumber epistemologi Islam yang sahih iaitu wahyu (al-Qur'an dan Sunnah), akal (ijtihad) dan pengalaman sejarah (*'urf*). Ia bersifat reflektif terhadap realiti sosial dan politik, serta menekankan keperluan untuk menjadikan Islam sebagai asas pemerintahan yang berfungsi dalam dunia nyata (al-Māwardī, 1996; Nasr, 1992).

(a) Ciri-Ciri Utama dan Pendekatan Wasatiyyah dalam Fiqh al-Watan di Negeri Pahang

Fiqh al-Watan merupakan satu pendekatan hukum Islam yang bersifat lokal dan kontekstual, yang dibangunkan untuk memenuhi keperluan masyarakat serta struktur kenegaraan di negeri Pahang. Ia bukan sahaja berteraskan prinsip syariah, tetapi turut mengambil kira realiti sosial, budaya, dan sejarah tempatan. Pendekatan ini menjadikan fiqh al-Watan sebagai satu kerangka hukum yang menyeluruh, dinamik, dan relevan dengan zaman.

Antara ciri utama Fiqh al-Watan ialah penekanan terhadap maqāsid al-sharī'ah sebagai asas penilaian dasar pemerintahan. Lima perkara asas yang menjadi matlamat utama hukum Islam iaitu agama, akal, nyawa, keturunan, dan harta menjadi teras dalam pembentukan dasar dan undang-undang (al-Shāṭibī, 1997). Ini memastikan bahawa setiap hukum yang dirumuskan tetap berpaksikan kepada nilai syariah yang menyeluruh.

Fiqh al-Watan juga menekankan konteks tempatan sebagai elemen penting dalam pembentukan hukum. Ia mengambil kira adat resam dan struktur sosial masyarakat Melayu, termasuk sistem kesultanan dan institusi penghulu, selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam (Hooker, 1984; Shuaib, 2001). Pendekatan ini membuktikan bahawa hukum Islam mampu disesuaikan dengan masyarakat bukan Arab tanpa mengorbankan prinsip asasnya.

Selain itu, Fiqh al-Watan mendukung pelaksanaan Islam secara kāffah, iaitu menyeluruh dalam semua aspek kehidupan termasuk ibadah, sosial,

ekonomi, pendidikan dan pemerintahan (al-Attas, 1978). Ia tidak memisahkan antara urusan dunia dan akhirat, sebaliknya melihat keduanya sebagai medan amal yang saling melengkapi.

Dari sudut praktikal, Fiqh al-Watan dibuktikan melalui pelaksanaan kod undang-undang seperti Hukum Kanun Pahang, yang dirangka untuk melaksanakan prinsip syariah dalam bentuk pentadbiran negeri (Ahmad Ibrahim, 1985; Abdullah, 2009). Ini menunjukkan bahawa fiqh al-Watan bukan sekadar teori, tetapi mampu diterjemahkan dalam bentuk dasar dan sistem yang berfungsi.

Hubungan erat antara ulama dan pemerintah juga menjadi ciri penting dalam perkembangan Fiqh al-Watan. Ulama memainkan peranan sebagai penasihat, mufti dan hakim dalam sistem pentadbiran Islam, menjadikan hukum yang digubal sah dari sudut syariah dan diterima oleh masyarakat (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2001).

Fiqh al-Watan bersifat dinamik dan kontekstual, membuka ruang kepada ijtihad dan penyesuaian hukum berdasarkan perubahan zaman dan keperluan masyarakat. Ia menolak pendekatan literal yang beku dan tidak mengambil kira konteks semasa (Nasr, 1992).

Lebih penting lagi, Fiqh al-Watan berfungsi sebagai benteng antikolonial dan epistemik, mempertahankan sistem hukum Islam tempatan daripada pengaruh penjajahan dan serangan epistemologi Barat. Ia menawarkan alternatif kepada sistem sekular dan mengukuhkan legitimasi Islam dalam struktur negara (Rahimin Affandi, 2015; Said, 1978).

Pendekatan wasatiyyah dalam Fiqh al-Watan turut memperlihatkan keseimbangan antara dunia dan akhirat, antara perkara tetap dan berubah (*thābit* dan *mutaghayyir*), serta antara pendidikan dan hukuman. Ia menolak pendekatan literal semata-mata, sebaliknya menekankan maqāṣid dan konteks sosial sebagai asas dalam penetapan hukum.

Fiqh al-Watan bukan sekadar alat hukum, tetapi merupakan sistem nilai dan tadbir urus yang berasaskan rahmat dan keadilan. Ia membina peradaban yang berteraskan Islam, menjadikan negeri Pahang sebagai

contoh pelaksanaan hukum Islam yang progresif, inklusif dan berteraskan maqāṣid.

Fasa Perkembangan Teori Fiqh al-Watan di Pahang

Perkembangan teori fiqh al-Watan di negeri Pahang dapat difahami melalui tiga fasa utama yang saling berkait: fasa realiti sosio-politik, fasa kodifikasi undang-undang, dan fasa pembentukan teori oleh sarjana moden. Ketiga-tiga fasa ini mencerminkan kesinambungan antara pengalaman sosial, pemikiran kenegaraan Islam, dan usaha kesarjanaan yang membentuk teori kenegaraan Islam berasaskan konteks Melayu. Proses ini memperlihatkan bagaimana pemerhatian terhadap fenomena masyarakat, aplikasi undang-undang Islam secara tempatan, dan tafsiran semula oleh para ilmuwan membentuk satu kerangka teori yang relevan, dinamik dan bersifat organik.

Fasa pertama, iaitu fasa realiti sosio-politik, merujuk kepada kedatangan Islam ke Pahang dan penerimaannya sebagai asas pemerintahan. Para mubaligh awal Islam yang datang ke Tanah Melayu, khususnya ke negeri-negeri seperti Pahang, bukan sahaja menyebarkan agama dalam bentuk ritual dan akidah, tetapi turut memainkan peranan sebagai pendidik masyarakat, penasihat kepada istana, dan pengasas kerangka pemikiran kenegaraan Islam. Mereka memperkenalkan Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh (al-dīn), merangkumi aspek spiritual, sosial, ekonomi dan politik. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 208: *“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan (kaffah)”*, menjadi prinsip asas dalam pendekatan ini.

Hasil interaksi berterusan antara mubaligh dan masyarakat, khususnya dengan pihak istana dan elit pemerintah, terbentuklah satu bentuk kefahaman fiqh yang mengintegrasikan prinsip-prinsip syariah dalam struktur pemerintahan. Konsep ini mencerminkan dua prinsip utama: pelaksanaan syariah sebagai asas kenegaraan, dan kefarduan pentadbiran yang adil serta berasaskan masalah. Pemerintah dipertanggungjawabkan di hadapan Allah untuk menegakkan keadilan dan memelihara rakyat. Oleh itu, Fiqh al-Watan bukanlah konsep akademik semata-mata, tetapi lahir daripada proses dakwah dan penerapan Islam dalam konteks budaya dan politik Melayu. Ini menjadi faktor utama mengapa kod-kod undang-

undang seperti Hukum Kanun Pahang mengandungi asas syariah yang sistematik dan lengkap sebagai bukti praktikal kepada idea fiqh al-Watan yang telah wujud lebih awal dalam bentuk hidup dan amalan masyarakat (Ahmad Farid Abdul Jalal, 2022).

Fasa kedua ialah fasa kodifikasi undang-undang, yang menyaksikan pengalaman kenegaraan Islam diterjemahkan ke dalam bentuk kod bertulis melalui Hukum Kanun Pahang pada abad ke-16. Dokumen ini mengandungi peruntukan yang mencerminkan pemikiran fiqh Mazhab Syafi'i yang telah disesuaikan dengan konteks tempatan, meliputi hukum jenayah, muamalat, kekeluargaan dan hisbah. Unsur Fiqh al-Watan diterapkan secara tersusun dalam bentuk perundangan negeri yang bukan sahaja berfungsi sebagai alat pentadbiran, tetapi juga sebagai instrumen pelaksanaan prinsip syariah secara sistematik (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2022).

Kodifikasi ini menjadi bukti bahawa Fiqh al-Watan telah diaplikasikan dalam bentuk institusi dan struktur formal negara. Ia mencerminkan tahap kesedaran tinggi pemerintah Pahang ketika itu dalam menjadikan Islam sebagai dasar kenegaraan serta mengukuhkan legitimasi pemerintahan berdasarkan hukum Ilahi. Maka, Hukum Kanun Pahang bukan sekadar teks undang-undang, tetapi juga merupakan dokumen epistemologikal yang membuktikan wujudnya usaha pembentukan sistem pemerintahan berteraskan fiqh yang berpijak pada realiti tempatan.

Fasa ketiga pula ialah fasa pembentukan teori oleh sarjana moden, yang bermula apabila tokoh-tokoh seperti Prof. Ahmad Ibrahim meneliti dan menafsirkan realiti sejarah perundangan Melayu sebagai satu bentuk undang-undang negara berasaskan syariah. Beliau menyatakan bahawa sebelum kedatangan British, syariah merupakan *law of the land* di Tanah Melayu. Pandangan ini disokong oleh pemerhatian sejarah bahawa hukum-hakam Islam telah diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan, daripada pentadbiran kepada pengadilan.

Kajian-kajian oleh tokoh seperti Farid Sufian Shuaib dan M.B. Hooker turut membantu membentuk kerangka teori Fiqh al-Watan sebagai sistem kenegaraan Islam yang sah dan berakar daripada tradisi tempatan. Mereka menekankan bahawa fiqh yang berkembang di rantau ini bukanlah semata-

mata salinan daripada Timur Tengah, tetapi merupakan adaptasi kreatif berasaskan realiti budaya, adat dan struktur pemerintahan tempatan.

Oleh itu, Fiqh al-Watan bukan sekadar warisan sejarah, tetapi juga suatu pendekatan teoritikal yang berkembang secara kontekstual dan reflektif terhadap realiti masyarakat Melayu-Islam. Ia menawarkan kerangka kenegaraan Islam yang tidak hanya berpandukan teks klasik, tetapi turut diperkukuh melalui pengalaman sejarah, aplikasi undang-undang dan penyesuaian budaya setempat. Justeru, Fiqh al-Watan menjadi asas yang kukuh untuk memikirkan semula struktur kenegaraan masa kini yang lebih sejajar dengan nilai-nilai Islam dan akar peradaban Melayu-Islam, sekali gus menjadi alternatif konstruktif kepada model sekular-kolonial yang diwarisi.

Dalam bentuk ini, Fiqh al-Watan menjadi wacana strategik yang menuntut pembaharuan sistemik dan perundangan terhadap warisan kolonial-sekular. Ia membuka ruang kepada penggubalan sistem kenegaraan yang lebih menyeluruh, berasaskan maqāṣid al-sharī'ah, dan bersesuaian dengan identiti serta tradisi..

Pemerhatian Epistemologikal terhadap Fiqh al-Watan dalam Konteks Melayu-Islam

Fiqh al-Watan bukan sekadar perlu dinilai dari sudut hukum positif atau sejarah teks perundangan, tetapi juga dari sisi epistemologikal, iaitu bagaimana ilmu tentang pemerintahan Islam dihasilkan, disusun, dan diwarisi oleh masyarakat Melayu-Islam. Pendekatan epistemologikal memberi penekanan terhadap sumber ilmu, struktur makna, serta proses pengilmuan yang berlaku dalam konteks lokal. Ia membuka ruang untuk memahami fiqh al-Watan bukan hanya sebagai sistem hukum, tetapi sebagai hasil interaksi kompleks antara wahyu, akal, budaya, dan sejarah.

Fiqh al-Watan lahir daripada gabungan tiga sumber utama epistemologi Islam: wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah), akal dan ijtihad, serta realiti lokal seperti 'urf dan pengalaman sejarah. Prinsip-prinsip pemerintahan Islam yang berteraskan keadilan, amanah, syura, dan maqāṣid telah disesuaikan dengan struktur budaya dan politik kesultanan Melayu (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 1967). Gabungan ini membentuk satu sistem ilmu yang tidak

hanya bersifat normatif, tetapi juga praktikal dan kontekstual, menjadikan fiqh al-Watan sebagai satu bentuk epistemologi yang hidup dan berkembang.

Penyesuaian nilai Islam dengan budaya tempatan merupakan satu lagi aspek penting dalam pemerhatian epistemologikal ini. Ulama dan pemerintah silam, termasuk di Pahang, telah menunjukkan bahawa Islam tidak perlu dipisahkan daripada realiti tempatan. Sebaliknya, nilai-nilai Islam boleh dimanifestasikan melalui sistem pemerintahan yang mengambil kira struktur masyarakat, adat, dan keperluan politik setempat. Ini membuktikan wujudnya pendekatan epistemologi yang kontekstual dan organik dalam fiqh al-Watan, yang tidak memaksakan bentuk luar tetapi menyesuaikan prinsip dengan realiti (Hooker, 1984; Shuaib, 2001).

Dalam Fiqh al-Watan, ilmu bukan hanya milik elit atau golongan terpelajar, tetapi berfungsi sebagai mekanisme sosial dan politik. Pengamalan Hukum Kanun Pahang, peranan ulama sebagai mufti dan penasihat, serta penyelesaian kes berdasarkan gabungan hukum dan adat menunjukkan bahawa ilmu dalam konteks ini berfungsi sebagai alat kesejahteraan sosial. Ia bukan sekadar instrumen pengawalseliaan kuasa, tetapi juga sebagai wahana pendidikan, penyatuan masyarakat, dan pelaksanaan keadilan.

Fiqh al-Watan juga perlu difahami sebagai sebahagian daripada wacana terbuka dalam pemikiran hukum Melayu-Islam. Ia menyerap dinamika sejarah, cabaran kolonialisme, dan perubahan sosial. Oleh itu, ia tidak bersifat literalis atau dogmatik, tetapi mencerminkan sifat pemikiran Islam yang wasati, terbuka kepada ijtihad dan kontekstualisasi (Nasr, 1992; al-Attas, 1978). Pendekatan ini menjadikan Fiqh al-Watan sebagai satu bentuk pemikiran hukum yang sentiasa berkembang, tidak terikat kepada bentuk lama, tetapi tetap berakar pada prinsip Islam yang sahih.

Dalam era pascakolonial dan negara bangsa moden, Fiqh al-Watan wajar dilihat semula sebagai kerangka pemikiran yang mampu memberi arah kepada reformasi sistem kenegaraan dan undang-undang di negara-negara Muslim. Pemerhatian epistemologikal memungkinkan masyarakat menilai semula struktur ilmu, kefahaman politik Islam, dan mekanisme hukum yang telah lama diwarisi namun terpinggir oleh sistem kolonial. Ia

membuka ruang kepada penggubalan sistem yang lebih menyeluruh, berasaskan maqāṣid syariah, dan bersesuaian dengan identiti serta tradisi masyarakat Muslim tempatan.

Kepentingan Fiqh al-Watan dalam Wacana Kenegaraan Islam Kontemporari

Fiqh al-Watan merupakan satu pendekatan hukum Islam yang bukan sahaja berakar daripada sejarah dan teks perundangan, tetapi juga daripada proses epistemologikal yang kompleks dan kontekstual. Berdasarkan pemerhatian sejarah, epistemologi, dan kodifikasi undang-undang, Fiqh al-Watan mempunyai lima kepentingan utama yang relevan untuk wacana kontemporari dan pembinaan negara Islam yang berteraskan maqāṣid dan tradisi tempatan.

Pertama, Fiqh al-Watan menegaskan legitimasi Islam sebagai dasar pemerintahan. Ia membuktikan bahawa Islam telah menjadi asas pemerintahan di Tanah Melayu sebelum penjajahan Barat. Hukum Kanun Pahang berperanan sebagai dokumen legal yang mengintegrasikan fiqh Mazhab Syafi'i dalam sistem negara, sekali gus mencabar naratif kolonial yang mengecilkan peranan Islam dalam kenegaraan (Shuaib, 2003; Hooker, 1984). Ini menunjukkan bahawa sistem pemerintahan Islam bukanlah asing atau baru, tetapi telah lama berakar dalam sejarah politik dan sosial masyarakat Melayu.

Kedua, Fiqh al-Watan menjadi model kenegaraan Islam yang kontekstual dan lokal. Ia menawarkan alternatif kepada model import dari Timur Tengah atau sistem sekular kolonial. Pendekatan ini berakar daripada budaya, politik, dan keperluan masyarakat Melayu, selaras dengan maqāṣid syariah dan prinsip keadilan Islam yang universal namun fleksibel (al-Māwardī, 1996; al-Attas, 1978). Dengan itu, Fiqh al-Watan membuktikan bahawa Islam boleh dilaksanakan secara menyeluruh tanpa perlu meniru bentuk luar yang tidak sesuai dengan konteks tempatan.

Ketiga, Fiqh al-Watan memelihara epistemologi tempatan daripada penjajahan intelektual. Ia muncul daripada proses pemikiran masyarakat tempatan dan menolak dominasi epistemologi kolonial yang sering meminggirkan warisan ilmu Islam. Fiqh al-Watan mengekalkan warisan

ulama Melayu silam sebagai sumber sah dalam wacana undang-undang dan pemerintahan, sekaligus memperkuat identiti keilmuan Islam yang berakar daripada pengalaman dan budaya tempatan.

Keempat, Fiqh al-Watan memperkuat konsep wasatiyyah dalam fiqh politik. Pendekatan ini mengambil jalan tengah antara literalisme dan liberalisme hukum. Ia memberi penekanan terhadap pendidikan, maslahat, dan keadilan berbanding hukuman kaku, menjadikannya lebih praktikal dan sesuai untuk masyarakat pelbagai lapisan. Pendekatan wasatiyyah ini juga selari dengan semangat maqāsid yang menekankan kesejahteraan dan kemaslahatan umum dalam pelaksanaan hukum.

Kelima, Fiqh al-Watan menjadi panduan pembinaan semula sistem undang-undang dan tadbir urus Islamik. Ia menawarkan asas konseptual dan praktikal untuk reformasi sistem undang-undang dan pemerintahan kontemporari. Dalam era pascakolonial, Fiqh al-Watan boleh menjadi asas bagi negara-negara Muslim membina sistem yang berlandaskan maqāsid, sejarah, dan budaya setempat. Ia membuka ruang kepada penggubalan sistem kenegaraan yang lebih menyeluruh, adil dan berteraskan nilai-nilai Islam yang sahih dan relevan.

Secara keseluruhannya, Fiqh al-Watan bukan sahaja penting sebagai warisan sejarah, tetapi juga sebagai kerangka pemikiran dan sistem hukum yang mampu memberi arah kepada pembinaan negara Islam yang berdaulat, adil dan berteraskan tradisi. Ia menjadi wacana strategik yang menuntut pengiktirafan semula terhadap warisan keilmuan tempatan dan pembaharuan sistemik dalam struktur kenegaraan Muslim.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa Fiqh al-Watan bukanlah teori asing yang diimport dari luar, tetapi terbina daripada kesedaran sejarah, pengalaman sosial, dan kesarjanaan Islam tempatan yang bertindak balas terhadap realiti masyarakat Melayu-Islam di Pahang. Dari fasa awal penyebaran Islam hingga kepada kodifikasi Hukum Kanun Pahang, dan kemudiannya interpretasi sarjana moden, Fiqh al-Watan membuktikan keupayaannya sebagai pendekatan yang menyatukan prinsip syariah dengan struktur masyarakat setempat secara dinamik dan relevan.

Pemerhatian epistemologikal mendapati bahawa kerangka ini dibangunkan berdasarkan gabungan antara wahyu, akal, dan 'urf yang sah, serta dipandu oleh prinsip maqāsid dan wasatiyyah. Dalam konteks semasa, teori ini wajar dikembangkan sebagai model tadbir urus alternatif yang lebih adil, kontekstual dan berasaskan nilai-nilai Islamik yang autentik.

Rujukan

Abdullah, A. R. (2009). *Pemikiran Hukum Islam di Malaysia: Sejarah dan Analisis*. IIUM Press.

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohamad Hilmi Mad Said, Awang Azman Awang Pawi (2022), *Impak Falsafah Pasca-Kolonialisme Terhadap Muzium: Satu Analisis Kritikal*, International Journal Of Humanities Technology And Civilization (IJHTC), VOL. 7, ISSUE 2, 01 – 09.

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohamad Hilmi Mad Said, Muhammad Jumaidy Abdul Manap (2022), *Kearifan Ketatanegaraan Dan Gender Melayu Islam Pahang Di Aceh: Satu Analisa*, International Journal Of Humanities Technology And Civilization (IJHTC) Vol.7, Issue1, h. 97–107.

Ahmad Ibrahim. (1985). *The Administration of Islamic Laws in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia.

Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.

Al-Māwardī. (1996). *Al-Ahkām al-Sultāniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Shāṭibī. (1997). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah* (Vol. 2). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Awang Azman Awang Pawi (2009), *Menulis Dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara*, Jurnal Pengajian Media, h. 133-148.

- Hooker, M. B. (1984). *Islamic Law in South-East Asia*. Oxford University Press.
- Khairudin Juneid (2012), *Theorising Colonialism In The Malay World*, Zawawi Ibrahim (ed.), *Social Science and Knowledge in a Globalizing World*, Petaling Jaya: PSSM, h. 201-218.
- Nasr, S. H. (1992). *Knowledge and the Sacred*. Albany: State University of New York Press.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim (2010), *Batu Bersurat di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam*, *Jurnal Fiqh, APIUM*, v. 6.
- (2011), " *Pemikiran Pendidikan Islam dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisis Kritis*". Dalam *Prosiding International Conference Of Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI2011)*, h. 17-30.
- (2022) *Hukum Kanun Pahang Sebagai Korpus Perundangan Tempatan Melayu Pahang, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2022 pada 9–11 Ogos 2022 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak*.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. New York: Pantheon Books.
- Shuaib, F. (2001). *The Islamic Legal System in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Spivak, G. C. (1988). *Can the Subaltern Speak?* In C. Nelson & L. Grossberg (Eds.), *Marxism and the Interpretation of Culture* (pp. 271–313). University of Illinois Press.
- Syed Hussein Al-Attas (2005), *Watak Tertawan Di Negara Membangun, Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : DBP, h. 2-10.

Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2001). Peranan Ulama dalam Sejarah dan Tamadun Melayu. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.